

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG  
[ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 29.10.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengikut keputusan kerajaan Sarawak untuk mengiktirafkan "*United Examination Certificate*" (UEC), bagi seluruh negara, dan jika ya, bila ia akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendirian Kementerian pendidikan Malaysia (KPM) berhubung sijil *Unified Examination Certificate* (UEC) adalah jelas dan tegas di mana KPM tidak bercadang untuk mengiktiraf lulusan UEC atas sebab seperti berikut:

1. UEC merupakan anugerah persijilan peperiksaan yang dikelolakan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) yang tidak akur kepada Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan;

2. Standard kurikulum UEC adalah tidak sama dengan kurikulum kebangsaan;
3. Piawai dan kawalan ke atas peperiksaan UEC adalah berlainan dengan piawai sistem peperiksaan kebangsaan; dan
4. KPM tidak mengawal taraf piawai ujian peperiksaan UEC.

Berdasarkan kepada peruntukan dan peraturan pendidikan yang berkuat kuasa di bawah Akta Pendidikan 1996, maka, KPM tidak berhasrat mengiktiraf sijil UEC memandangkan ianya bukanlah pensijilan peperiksaan yang dikendalikan oleh KPM dan sijil UEC tersebut juga tidak diiktiraf oleh kerajaan.